

**Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010
2-3 Ogos 2010 Shah Alam, Selangor**

**Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan
Sintaksis Bahasa Melayu**

**Rahmah Awang Sapie
Prof. Madya. Dr. Abdul Shukor Shaari**

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU

Rahmah Awang Sapie
Prof Madya Dr. Abdull Sukor Shaari
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar tahun lima dari segi sikap, motivasi dan stail pengajaran guru dan di samping itu, kajian ini juga cuba untuk mengenal pasti pemboleh ubah yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis pelajar ini. Kajian ini melibatkan seramai 120 pelajar tahun lima di daerah Kota Setar. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 24 item dan dua latihan untuk mengukur keupayaan penguasaan sintaksis pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan, positif dan sederhana antara motivasi, sikap dan stail pengajaran guru dengan tahap penguasaan sintaksis pelajar manakala motivasi ialah pemboleh ubah paling dominan dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu.

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu komponen penting dalam kemahiran bahasa. Kemahiran ini merujuk kepada keupayaan murid untuk mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan. Oleh itu, kemahiran ini perlu diberi perhatian. Walau bagaimanapun, pelajar didapati masih lemah dlm kemahiran ini. Abdul Jalil Osman (2000) yg memetik Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (1985) bahawa pelajar tidak mengetahui teknik menulis karangan yang betul. Kelemahan utama pelajar menguasai sintaksis bahasa Melayu dengan berkesan di peringkat sekolah rendah ialah kerana penggunaan ayat yang tidak gramatis dan kegagalan penggunaan pelbagai kosa kata yang tepat dan meluas.

Kajian-kajian tentang penguasaan bahasa memang banyak dijalankan. Antaranya ialah kajian sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Melayu (Zamri Mahamad & Zarina Othman, 2001; Supian Mohd Noor, 1994) Kajian tentang motivasi seperti tahap motivasi dengan penguasaan bahasa (Farid M. Onn & Ajid Che Kob, 1981; Gardner & Lambert, 1972) Kajian-kajian terhadap stail pengajaran guru pula seperti kesesuaian stail pengajaran guru dengan tahap penguasaan bahasa pelajar (Hashim Musa, 2005). Kajian tentang strategi pengajaran guru yang kurang berkesan punca tahap penguasaan bahasa lemah (Zamri Mohamad, 2000). Beliau mendapati guru-guru yang tidak menggunakan teknik pengajaran yang menarik dan kurang mahir dalam penguasaan bahasa yang diajar menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik.

Sikap merupakan faktor dalaman yang menentukan kejayaan seseorang. Miller (1998) telah mengaitkan sikap dengan tanggapan dan bagaimana seseorang itu membuat petetapan diri terhadap sesuatu perkara. Daripada ketetapan diri itu, pelajar memilih dan membuat keputusan merujuk kepada kualiti hidup dan bebas daripada pengaruh dan gangguan luaran. Banyak kajian menunjukkan wujudnya hubungan kait antara sikap pelajar dengan pencapaian kemahiran berbahasa mereka (Oller, Hudson & Liu, 1977; Gardner, 1982). Kajian oleh Gardner dan Lambert (1972) menunjukkan dampak sikap terhadap pembelajaran bahasa Inggeris. Mereka mentakrifkan sikap sebagai sebahagian daripada motivasi yang mempengaruhi kejayaan proses pembelajaran bahasa.

Sikap menerangkan apa yang dirasakan oleh seseorang terhadap sesuatu dan merangkumi penilaian terhadap sesuatu. Sikap mencerminkan perasaan positif dan negatif terhadap sesuatu perkara. Sikap yang positif boleh mendorong seseorang pelajar untuk belajar dan menjadi motivasi yang mendorong kepada pencapaian sesuatu matlamat. Sikap yang negatif pula akan menjadi penghalang kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya tanggapan terhadap mata pelajaran bahasa Melayu sebagai subjek yang senang dan mudah dikuasai akan mengakibatkan pembelajaran dilakukan sambil lewa sahaja dan menjejaskan penguasaan secara bersungguh-sungguh struktur tatabahasanya.

Zamri Mahamad dan Zarina Othman (2001) telah mengupas isu sikap ini dalam kalangan pelajar Cina di Malaysia. Kajian yang dibuat berlandaskan umur, jantina, faktor sosial, politik dan ekonomi mendapati pelajar yang lemah dan sering kali gagal dalam pembelajaran bahasa Melayu mempunyai sikap yang negatif terhadap subjek tersebut. Sebaliknya pelajar yang mempunyai motivasi instrumental yang tinggi untuk berjaya dalam subjek tersebut mempunyai sikap yang positif.

Hubungan sikap dengan penguasaan bahasa Melayu tidak seharusnya difokuskan kepada pelajar semata-mata. Malah faktor sikap ini patut juga dilihat dalam kalangan guru-guru dan pentadbir sekolah. Abdul Hamid Mahmood (2002) menyatakan untuk melestarikan pengajaran bahasa Melayu dengan berkesan, faktor sikap guru dan pentadbir sekolah harus diambil kira. Sikap guru dan pentadbir yang positif terhadap murid-muridnya serta mata pelajaran yang diajar akan menyebabkan guru-guru tersebut menyediakan prasarana yang sesuai, sentiasa memberi keijaksanaan dan menyediakan alat bantuan mengajar untuk melestarikan pengajaran tersebut dengan berkesan. Seorang guru bahasa Melayu yang berkesan akan menggunakan pelbagai alat bantuan mengajar (ABM) untuk memastikan para pelajar dapat menguasai aspek leksikal, semantik, sintaksis dan tatabahasa dengan betul dan tersusun. Kajian yang sama dapat dilihat dalam pendidikan di Korea Selatan. Sikap positif guru untuk menekankan tahap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, maka sistem pembelajaran bahasa Inggeris secara 'total immersion' telah dijalankan. Para pelajar akan dibawa menginap di kampung bahasa Inggeris (English Village Stay) yang ditubuhkan di beberapa tempat di Korea Selatan sendiri: Tenaga pengajarnya terdiri daripada orang Inggeris sebenar telah dilaksanakan (Hashim Musa, 2005). Pelajar didedahkan dengan kehidupan sebenar masyarakat berbangsa Inggeris. Kesan daripada sikap positif guru-guru dan pihak pentadbir telah melahirkan sikap positif dalam kalangan para pelajar.

Hubungan Stail Pengajaran Guru Dengan Tahap Penguasaan Bahasa.

Dalam pelaksanaan suatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan ke arah pencapaian matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ini kerana melalui stail pengajaran yang kreatif dan menarik akan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan. Menyokong kenyataan ini, Goens dan Clover (1991) menyatakan bahawa peranan guru-guru di sekolah adalah sebagai pekerja bermaklumat yang memproses, mencipta dan memindahkan maklumat tersebut kepada para pelajar. Oleh itu, adalah menjadi peranan guru untuk menjadikan maklumat yang ingin disampaikan itu menarik dan berkesan.

Untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan, guru-guru bukan sahaja perlu mempunyai isi pengetahuan yang mencukupi tetapi mereka juga perlu mengetahui stail untuk menterjemahkan pengetahuan itu kepada suatu bentuk yang kreatif, menghiburkan dan mudah difahami oleh pelajar dan dapat menggunakannya dalam kehidupan seharian (Abdul Sukor Shaari, Noran Fauziah Yaakub & Rosna Awang Hashim, 2004). Menyokong pendapat ini, Good (1990) mengatakan bahawa dalam usaha untuk menyampaikan pengajaran secara berkesan kepada pelajar, guru-guru patut mendedahkan pelbagai teknik untuk membolehkan mereka faham dengan mudah dan jelas.

Kajian oleh Hashim Musa (2005) mengatakan bahawa stail pengajaran guru perlu disesuaikan dengan keadaan pelajar. Menurut beliau, kaedah pembelajaran secara teori dan pasif di dalam bilik darjah yang dipandu oleh seorang guru, mentelaah buku dan nota, menghafaz butiran dan fakta, serta menjawab peperiksaan secara bertulis, adalah amat sesuai dengan pembawaan sahsiah dan bentuk fizikal wanita yang lebih berdisiplin dan patuh. Manakala bentuk fizikal lelaki yang lebih aktif, agresif dan bertenaga amat tidak sesuai dengan pembelajaran sehala dan pasif. Oleh itu, untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, stail guru harus disesuaikan dengan keadaan semasa, iaitu menggunakan lebih banyak kaedah "hands-on" atau kaedah praktikal yang menekankan kemahiran dan penguasaan ilmu di lokasi yang sebenar.

Abdul Hamid Mahmood (2002) menyatakan untuk melestarikan pengajaran bahasa Melayu secara berkesan, faktor guru adalah penting untuk melaksanakannya. Beliau telah menggariskan beberapa peranan yang harus menjadi tanggungjawab seseorang guru. Setiap guru harus mengetahui, memahami dan menghayati peranan mereka sebagai pengajar, pendidik, pemimpin, penjaga, penasihat, perawat, pendisiplin, kawan, penyelesaian masalah, pendorong, sumber maklumat, model ikutan, perangsang dan pendoa murid. Kebolehan guru memainkan pelbagai peranan dalam merealisasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran akan dapat melahirkan pelajar yang mampu menguasai pelajaran dengan baik.

Kajian oleh Zamri Mohamad (2000) mendapati, stail pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan berpunca daripada guru bahasa yang mengajar secara 'ad-hoc', iaitu tidak dalam konteks yang bermakna atau tidak mengikut kaedah yang mantap. Guru biasanya lebih menekankan fungsi penambahan berbanding dengan penggunaannya. Hal ini yang menyebabkan pelajar hanya faham dalam situasi tertentu tetapi gagal mengaplikasikan dalam situasi yang berbeza sedikit. Oleh itu, untuk memastikan proses

pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih berkesan, stail guru lebih kepada kemampuan menyampaikan ilmu berbanding kepada penyampai maklumat semata-mata.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar tahun lima di daerah Kota Setar. Objektif khusus kajian ini pula ialah untuk mengenal pasti sama ada faktor motivasi mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar tahun lima, menjelaskan sama ada faktor sikap mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar tahun lima, mengenal pasti sama ada stail pengajaran guru mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar tahun lima dan menjelaskan pemboleh ubah yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis pelajar tahun lima.

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan seramai 120 pelajar tahun lima di daerah Kota Setar. Kajian tinjauan ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas kajian ialah faktor motivasi, sikap dan stail pengajaran guru. Pemboleh ubah bersandar kajian ialah tahap penguasaan sintaksis. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 24 item dan dua latihan untuk menguji keupayaan penguasaan sintaksis pelajar. Soal selidik di bahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian A mengandungi 8 item berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi 16 item berkaitan dengan motivasi dan sikap. Terdapat 8 item soalan motivasi yang diubah suai daripada Harter (1980) untuk menguji sejauhmanakah faktor ini mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis pelajar tahun lima. Item sikap juga diukur dalam bahagian ini yang mengandungi soalan yang diubah suai daripada Goal Inventory instrument (Plants, 2000). Setiap pernyataan item diukur menggunakan skala Likert lima pilihan jawapan, iaitu daripada 'sangat tidak setuju (1)' kepada 'sangat setuju (5)'.

Item dalam bahagian C terdiri daripada 8 soalan yang bertujuan untuk melihat pandangan pelajar tentang stail pengajaran guru sewaktu mata pelajaran bahasa Melayu sama ada pengajaran guru itu memberi kesan atau tidak kepada pembelajaran mereka. Item soalan ini diubah suai daripada Joy Reid's Learning Slide (Reid, 1987). Setiap pernyataan item diukur menggunakan skala Likert lima pilihan jawapan, iaitu daripada 'sangat tidak setuju' (1) kepada 'sangat setuju' (5).

Bahagian D pula, merupakan ujian tahap penguasaan sintaksis pelajar yang diubah suai berasaskan gerak kerja latihan standard yang dilakukan pelajar berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tahun lima. Ujian ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian 1, menulis ayat berdasarkan bahan grafik dan bahagian 2, menulis karangan tentang tajuk keperihal dan pelajar diberi frasa-frasa isi sebagai sokongan. Pemeriksaan

dilakukan oleh guru bahasa Melayu sekolah tersebut dan pemarkahan berdasar skema pemarkahan standard yang digunakan dalam Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Analisis Alpha Cronbach yang dijalankan terhadap pemboleh ubah bebas kajian ini adalah antara 0.75 hingga 0.89. Dapatan ujian Alpha Cronbach bagi kajian sebenar juga antara 0.69 hingga 0.75. Kedua-dua dapatan ini menjelaskan bahawa soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Penganalisan data kajian menggunakan program *SPSS for Windows Version 12.0*. Terdapat lima bentuk penganalisan data, iaitu statistik deskriptif yang mencari purata, peratus dan sisihan piawai. Ujian t digunakan untuk menentukan perbezaan min dan sisihan piawai bagi jantina dan lokasi dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis. Analisis ANOVA pula digunakan untuk melihat perbezaan min dan sisihan piawai berdasarkan status sosioekonomi (SSE) dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis.

DAPATAN

Apakah faktor motivasi, sikap dan stail pengajaran mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis?

Keputusan analisis korelasi Pearson terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bebas terhadap penguasaan sintaksis dapat dilihat dalam jadual di bawah. Analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan, positif dan sederhana antara motivasi, sikap dan stail pengajaran guru dengan tahap penguasaan sintaksis.

Jadual 4.1:

Analisis Korelasi Motivasi, Sikap dan Stail Pengajaran dengan Penguasaan Sintaksis

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	r	P
Motivasi	Penguasaan Sintaksis	0.43	0.00*
Sikap	Penguasaan Sintaksis	0.43	0.00*
Stail Pengajaran	Penguasaan Sintaksis	0.27	0.00*

*p < .05

Apakah faktor yang paling dominan mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis pelajar?

Keputusan analisis regresi dalam jadual di bawah menunjukkan nilai koefisien bagi pemboleh ubah sikap ialah 0.25. Keputusan tersebut mencadangkan bahawa satu unit

pertambahan faktor motivasi dikaitkan dengan pertambahan sebanyak 0.25 penguasaan sintaksis jika pemboleh ubah adalah tetap. Hasil analisis juga mendapati pemboleh ubah yang paling dominan terhadap penguasaan sintaksis ialah motivasi dengan nilai B = 3.22, diikuti oleh faktor sikap tetapi bagi stail pengajaran guru adalah tidak signifikan.

Jadual 4.1:

Analisis Regresi Motivasi, Sikap dan Stail Pengajaran dengan Penguasaan Sintaksis

Model		B	Std. Error	Beta	T	P
1	Pemalar	-12.87	4.82		-2.67	.01
	Motivasi	3.23	1.10	.27	2.92	.00*
	Sikap	2.11	.93	.25	2.26	.03*
	Stail	.70	.94	.07	.74	.46

*p < .05

PERBINCANGAN

Dapatan kajian membuktikan bahawa faktor motivasi, sikap dan stail pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan sintaksis pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa untuk mendapat pencapaian penguasaan sintaksis yang tinggi dalam kalangan pelajar, faktor dalam diri pelajar itu adalah penting seperti motivasi dan sikap. Selain itu faktor guru juga menyumbang ke arah pencapaian yang tinggi dalam penguasaan sintaksis. Dapatan motivasi ini bertepatan dengan kajian oleh Snow dan Hoefnagel-Hohle (1978) yang mendapati pelajar yang mempunyai motivasi instrumental yang tinggi akan berusaha untuk menguasai sesuatu bahasa itu demi mencapai matlamat dirinya seperti peningkatan dalam peperiksaan. Ini bererti mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang mereka inginkan sama ada melalui penglibatan dalam kelas, bersama-sama guru atau rakan pelajar. Pelajar yang bermotivasi juga biasanya sering mendapat galakan, sokongan, pujian daripada ibu bapa, rakan-rakan dan guru-guru di sekolah atau di rumah. Mereka ini sentiasa menetapkan pencapaian yang tinggi untuk memastikan keputusan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan.

Faktor sikap dan motivasi adalah dua faktor yang saling berkaitan. Dapatan oleh Cooper dan Fishman (1977) mendapati pelajar yang mempunyai sikap positif dalam pembelajaran akan menjadi pendorong atau motivasi kepada pencapaian sesuatu matlamat. Keadaan ini menjelaskan, pelajar yang mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran akan sentiasa menerima sesuatu tugas, latihan, soalan atau bebanan tugas sebagai suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Biasanya pelajar yang bersikap positif adalah pelajar yang memberi tumpuan penuh semasa pengajaran guru, berusaha bersungguh-sungguh tanpa sebarang rungutan, mencari bahan-bahan rujukan tambahan sebagai pemantapan pembelajaran dan tidak memandang mudah

terhadap sesuatu. Contohnya pelajar yang bersikap positif tidak akan menganggap mata pelajaran bahasa Melayu adalah subjek mudah yang tidak perlu diberi perhatian yang lebih berbanding subjek lain.

Faktor stail pengajaran guru memainkan peranan penting dalam menentukan peningkatan tahap penguasaan sintaksis para pelajar. Dapatan ini selari dengan pendapat Hashim Musa (2005) bahawa stail pengajaran guru perlu disesuaikan dengan keadaan pelajar. Dalam era globalisasi stail pengajaran dan pembelajaran perlu berubah menjadi lebih inovatif dan praktikal atau 'hands on'. Pengetahuan dan kemahiran ICT boleh diintegrasikan dalam pengajaran untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan tidak pasif. Pendekatan tradisional perlu diubah kepada pendekatan konstruktivis yang menggunakan kemudahan multimedia, sesuai dengan pernyataan Simonson dan Thomson (1997) yang membuktikan bahawa keberkesanan pengajaran meningkat apabila teknologi digunakan. Sehubungan dengan itu, guru-guru perlu mengetahui cara-cara atau stail untuk menterjemahkan pengetahuan itu kepada suatu bentuk yang kreatif, menghiburkan dan mudah difahami oleh pelajar dan menggunakannya dalam kehidupan seharian (Abdul Sukor Shaani, Noran Fauziah Yaakub & Rosna Awang Hashim, 2004).

Pelbagai program kecemerlangan akademik, program motivasi dan kelas pengkayaan dan pemulihan yang dijalankan oleh pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri melalui Program Baucer Tuisyen dan komuniti masyarakat seperti Puteri UMNO, Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB), badan-badan kerajaan seperti dan swasta yang menaja kewangan untuk tuisyen, akhbar percuma untuk anak-anak kakitangan dan pelajar-pelajar miskin di luar bandar menjadikan perbezaan SSE keluarga pelajar tidak begitu jelas.

Namun begitu, memang tidak dapat dinafikan ibu bapa yang berpendidikan tinggi, mempunyai pekerjaan dan berpendapatan tinggi mempunyai kelebihan dari segi mempraktikkan secara langsung kepada anak-anak, iaitu mereka berupaya mengajar sendiri di rumah atau membeli bahan-bahan bacaan tambahan. Sebaliknya ibu bapa yang berpendidikan, berpelajaran dan berpendapatan rendah perlu berusaha lebih dengan berkorban wang ringgit, masa dan tenaga untuk menghantar anak-anak ke pusat tuisyen, ke perpustakaan awam di samping memberi dorongan, kata-kata perangsang dan nasihat, tapi tidak berupaya untuk memberi tunjuk ajar sendiri. Oleh itu, dalam masyarakat hari ini, tidak menjadi suatu keajaiban apabila ramai anak-anak dalam kalangan sosioekonomi rendah mampu hersaing dengan anak-anak kalangan sosioekonomi tinggi.

Objektif terakhir kajian bertujuan untuk mengenal pasti pemboleh ubah kajian yang paling dominan mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis pelajar. Ujian regresi telah dijalankan untuk menganalisis dapatan ini. Keputusan ujian menunjukkan pemboleh ubah yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis ialah faktor motivasi. Keputusan kajian ini menyokong keputusan kajian yang pertama, iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi dengan tahap penguasaan sintaksis pelajar.

Dapatan kajian ini mempunyai kaitan dengan pelbagai program motivasi, jaya diri, jaya waris, penglibatan komuniti yang melibatkan komuniti sekolah dan komuniti di

luar. Di samping itu, pelbagai program kerajaan ke arab peningkatan kualiti pendidikan negara dan rakyat mencetus tahap motivasi yang tinggi bukan sahaja dalam kalangan pelajar, malahan di kalangan ibu bapa, guru-guru dan semua pihak dalam memastikan pelajar-pelajar hari ini cemerlang dalam pelajaran.

Dari segi implikasi kepada pelajar, dapatan menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan, positif dan sederhana antara faktor motivasi, sikap dan stail pengajaran guru dengan tahap penguasaan sintaksis pelajar. Implikasi dapatan ini menjelaskan, pelaksanaan lebih banyak program berbentuk motivasi dan pemupukan sikap positif ke arah peningkatan tahap penguasaan yang lebih mantap dalam kalangan pelajar. Program yang dianjurkan itu perlu melibatkan pelajar, guru-guru dan ibu bapa secara praktikal dan terancang sepanjang tahun. Program yang dijadual secara berkala dan tidak sistematik boleh menyebabkan peningkatan motivasi dan perubahan sikap yang tidak seimbang dan menghalang kepada tahap penguasaan bahasa yang standard. Program yang dibuat mewajibkan penglibatan peserta berkomunikasi dan membuat laporan bertulis. Secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar.

Stail pengajaran guru juga perlu diubah suai dengan perbezaan jantina, lokasi sekolah, nilai motivasi dan sikap yang ada pada pelajar-pelajar. Guru harus inovatif dan bijak dalam mengendahkan pengajaran agar lebih berkesan dan tidak mewujudkan perbezaan yang ketara terutama dan segi penguasaan sintaksis berdasarkan jantina pelajar dan lokasi sekolah. Guru-guru harus bersedia menerima perubahan ledakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping pengajaran tradisional yang berfokuskan guru, kaedah 'chalk and talk' sudah tidak sesuai dipraktikkan lagi. Penggunaan bahan autentik dan berada dalam lokasi sebenar menjadikan pelajar lebih berfikiran kreatif dan inovatif.

Pihak sekolah melalui kegiatan kokurikulum harus memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan penglibatan ramai pelajar dan dijalankan di luar kawasan sekolah. Kegiatan sebegini dapat meningkatkan tahap motivasi dan perubahan sikap pelajar apabila mereka didedahkan dengan pelbagai kejayaan orang luar atau kejayaan negara melalui kecemerlangan peningkatan ilmu.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmood. (2002). Melestarikan pengajaran bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 7, 34-37.

Abdul Hamid Mahmood. (1990). *Fonetik dan fonologi bahasa Melayu*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Abdul Sukor Shaari, Noran Fauziah Yaakub & Rosna Awang Hashim. (2004). Keupayaan mengajar guru-guru bahasa Melayu sekolah menengah. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 1 (1), 179 -197

Bowerman, M. (1975). *Cross-linguistic similarities at two stages of a multidisciplinary approach*. New York: Academic Press.

Brown, R. (1973). *Derivational complexity' and order of acquisition in child speech*. New York: Academic Press.

Coleman, J. S. (1997). *Equality of educational opportunity*. Washington D.C: US Government Printing Office.

Cooper, J. & Fishman, G. (1977). *The study of language: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.

Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1981). *Pengaruh bahasa daerah dalam proses pembelajaran bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gardner, R & Lambert, W. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowdy MA: Newbury House.

Giddens, A. (1987). *Introduction of sociology* (Edisi kedua). London: Macmillan Press Ltd.

Goens, G.A. & Clover, S.I.R. (1991). *Mastering school reform*. Boston: Allyn and Bacon.

Good, V. (1990). *Second language learning and learning teaching*. London: Edward Arnold.

Harter, S. (1980). A new self-report scale of intrinsic versus extrinsic orientation in the classroom. Motivational and information components. *Developmental Psychology*, 17, 300-312.

Hasan Baseri Budiman. (1992). Pemantapan bahasa di sekolah : Permasalahan dan sasaran. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, 40 (9), 838- 850.

Hashim Musa. (2005). Bahasa Melayu dalam pendidikan negara. *Pelita Bahasa*, 1, 8-10.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1991). *Kajian keciciran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Miller, W.R. (1998). *The acquisition of language*. The Chicago University Press.

Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Abmad & Idris Aman. (2003). *Penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu dalam arus globalisasi*. Prosiding Seminar Pembinaan Keupayaan Melayu dalam Arus Globalisasi. Bangi: Universti Kebangsaan Malaysia.

Oiler, J.W, Hudson, A.J., & Liu, P. F. (1977). Attitudes and attained proficiency in ESL: A sociolinguistic study of native speakers of Chinese in the United State. *Language Learning*, 27, 1-27.

Plants, R.T. (2000). *The relationships of attitudes and metacognitive to academic performance in graduate medical education*. Doctoral Dissertation, The University of Memphis.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah rendah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ramli Salleh, Ismail Salleh, Idris Aman & Fadzli Jaafar. (2000). *Penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah rendah: Kajian di Sekolah Rancangan FELDA Negeri Sembilan*. Penyelidikan Fakulti M/3/98. Bangi: UKM.

Ried, J. (1987). The learning style preferences of TESL students. *TESOL Quarterly*, 21, 87-103.

Sharifah Md.Nor. (1991). Faktor-faktor yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid darjah satu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 11, 61-69.